

Formatilah Rakyat! Jangan Ugut! Duduk Bincang!!

Kami, Parti Sosialis Malaysia, rasa hairan dan kecewa dengan kenyataan akhbar pada 28/11/16 oleh Setiausaha Umum PAS , YB Datuk Takiyuddin Hassan yang mengugut bahawa PAS akan mensabotaj Pindaan pada Akta Law Reform jika Ahli Parlimen bukan Islam bercampur tangan dalam isu RUU 355.

Pada kami, semua Ahli Parlimen termasuk daripada PAS harus menyokong Akta dan Pindaan yang membawa keadilan pada rakyat Malaysia. Akta Law Reform yang sedia ada, menyatakan bahawa seorang beragama Islam tidak boleh membawa isu berkaitan perkahwinannya ke Mahkamah Sivil untuk diselesaikan. Pindaan Akta Law Reform yang dicadangkan membuka ruang pada seorang yang baru memeluk Islam untuk membawa isu perkahwinan Sivil beliau ke Mahkamah Sivil untuk diselesaikan.

Kriteria yang harus diguna untuk menyokong atau membantah sesbuah pindaan adalah samada Pindaan ini lebih adil pada semua berbanding Akta Ibu. Langsung tidak berprinsip untuk membantah suatu Akta dengan tujuan mengugut.

Dato Takiyuddin dan juga PAS harus mengambil tahu bahawa ramai orang bukan Islam khuatir pemindaan RUU 355 yang disyor oleh Dato Sri Hj Hadi akan membawa kesan buruk pada mereka. Kekhuatiran mereka bukan satu khayalan yang tidak berasas. Negara kita telah menyaksikan beberapa kes di mana penguatkuasaan undang-undang Syariah telah menyusahkan masyarakat bukan Islam umpamanya

- Kes Indira Gandhi di mana suaminya telah masuk Islam dan menukar agama anak-anak mereka tanpa pengetahuan Pn Indira.
- Kes-kes rampasan mayat ahli keluarga bukan Islam
- Kes-kes individu yang telah dibesarkan sebagai seorang beragama lain tetapi direkodkan sebagai beragama Islam dalam dokumen peribadi. Individu di golongan ini menghadapi banyak masalah dalam membentulkan situasi ini.
- Isu Kalimah Allah.
- Fatwa-fatwa yang menyekatkan perhubungan antara orang beragama Islam dengan rakyat lain.

Sebuah parti yang diasaskan pada Islam (yang, seperti agama lain, mementingkan keadilan dan bermesra pada rakyat) harus ambil berat terhadap kekhawatiran rakyat bukan Islam dan anjurkan sesi-sesi dialog untuk mendapat tahu secara lebih dalam, punca kekhawatiran yang memang wujud, dan untuk mencari jalan untuk mengatasi kekhawatiran itu.

Kami berharap PAS akan elak daripada ugutan dan memilih kaedah rundingan supaya ketakutan dan kekhawatiran orang ramai dapat dikendalikan sebelum Pindaan ini dibawa ke Parlimen sekali

lagi. Jika Dato Takiyuddin dan Pemimpin PAS yang lain berminat memahami dan berbincang isu ini, PSM sedia menghadiri sesi perbincangan.